



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 4

13hb Februari 2020

TAMBAHAN
No. 1

AKTA BINATANG 1953

(Akta 647)

ANIMALS ACT 1953

(Act 647)

No. 28.

KEHENDAK MENURUT SUBSEKSYEN 42(4)

REQUIREMENT UNDER SUBSECTION 42(4)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(4) Akta Binatang 1953 [Akta 647], Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis dengan ini menghendaki supaya dibawa setiap anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih untuk ditanda serta disuntik supaya terpelihara daripada mendapat penyakit Anjing Gila, pada tarikh, waktu dan tempat yang tersebut di dalam Jadual dibawah ini.

In exercise of the powers conferred by subsection 42(4) of the Animals Act 1953 [Act 647], the Director of Veterinary Services of Perlis hereby requires every dog aged (3) months and above be brought to be marked and vaccinated against Rabies at such date, time and place as stated in the Schedule below.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

42

[13hb Feb. 2020]

JADUAL SUNTIKAN PENCEGAHAN PENYAKIT ANJING GILA DALAM NEGERI PERLIS TAHUN 2020

SCHEDULE OF VACCINATION OF ANTI-RABIES IN THE STATE OF PERLIS OF 2020

Tarikh/ <i>Date</i>	Kawasan/ <i>Area</i>	Pusat Suntikan/ <i>Vaccination Centre</i>	Waktu/ <i>Time</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Kangar	Pusat Perkhidmatan Veterinar Kangar Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis Km. 3, Jalan Raja Syed Alwi 01000 Kangar.	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tengah hari/ <i>p.m.</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Arau	Pusat Perkhidmatan Veterinar Arau Jalan Raja, 02600 Arau	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tengah hari/ <i>p.m.</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja/ <i>Working day</i>	Kaki Bukit	Pusat Perkhidmatan Veterinar Kaki Bukit Km. 15, Jalan Kaki Bukit 02200 Kaki Bukit	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tengah hari/ <i>p.m.</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>

Bertarikh 10 Disember 2019

Dated 10 December 2019

[JPV.Ps. 08/01/03 Jld. 7; PUN.Ps. 0043 Jld. 2]

DR. ZULKIFLI BIN AHMAD
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Perlis/
Director of Veterinary Service of
Perlis*

No. 29.

PEMBERITAHUAN MENURUT PERENGGAN 42(6)(a)

NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 42(6)(a)

Oleh kerana Y.A.B. Menteri Besar Perlis, pada 1 Januari 2020 telah mengeluarkan Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila (Negeri Perlis) 2020 di bawah subseksyen 42(1) Akta Binatang 1953 [Akta 647] di dalam Negeri Perlis. Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 42(6)(a) Akta Binatang 1953, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis dengan ini memaklumkan bahawa setiap anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih dalam Negeri Perlis hendaklah selepas 31 Januari 2020 dan pada bila-bila masa, semasa Perintah tersebut berkuat kuasa memakai pada badannya satu lencana bernombor yang dikeluarkan bagi tahun 2020 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang menjadi keterangan bahawa anjing tersebut itu telah disuntik supaya terpelihara daripada penyakit Anjing Gila.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

13hb Feb. 2020]

43

Mana-mana anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih yang dijumpai di dalam Negeri Perlis selepas 1 Ogos 2020, semasa merayau-rayau atau tidak, yang tidak memakai lencana suntikan tersebut akan dimusnahkan.

Whereas, the Y.A.B. Menteri Besar of Perlis, has on the 1 January 2020 made Anti-Rabies Vaccination (Perlis) Order 2020 under subsection 42(1) of the Animals Act 1953 [Act 647], in respect of the state of Perlis. Now, therefore in exercise of the powers conferred by paragraph 42(6)(a) of the Animals Act 1953, the Director of Veterinary Services of Perlis requires that every dog three (3) months of age and above, in the State of Perlis after 31 January 2020 at all times during the continuance in force of the Order, carry upon it a serial number issued for the year 2020 by the Veterinary Department of Malaysia as evidence of its having been vaccinated against Rabies.

Any dog three (3) months of age and above found in the State of Perlis after 1 August 2020, whether at large or not which does not carry upon it the said vaccination badge may be destroyed.

Bertarikh 10 Disember 2019

Dated 10 December 2019

[JPV.Ps. 08/01/03 Jld. 7; PUN.Ps. 0043 Jld. 2]

DR. ZULKIFLI BIN AHMAD
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Perlis/
Director of Veterinary Service of
Perlis*

Hakecipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semu Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

CAWANGAN ALOR SETAR

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA